

Kementerian diminta selesai isu bayaran royalti tertunggak

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) perlu menyelesaikan isu bayaran royalti kepada penggiat seni berjumlah RM16.4 juta yang didakwa tertunggak sejak 2018.

Ahli Parlimen Kapar, Datuk Abdullah Sani Abdul Hamid, berkata sudah tiba masanya penggiat seni mendapat hak dikatakan sudah lama tertunggak, malah ada yang sudah meninggal dunia.

"Saya harap menteri (Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail) memanggil Jawatankuasa PRISM

(Badan Pengutip Royalti Hak Pelaku dan Persembahan Artis Berhad) segera dan menyelesaikan isu ini.

"Mereka membantu kita dengan karya, tetapi penderitaan hidup mereka tiada siapa yang bela," katanya pada sidang media di lobi Parlimen, semalam.

Sidang media berkenaan turut dihadiri beberapa penggiat seni tanah air.

Pada 1 Julai lalu, *BH* melaporkan isu berkaitan agihan royalti penggiat seni yang didakwa tertunggak sejak 2017 dan 2018.

